



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[Malaysian Narrative Through
Malik Bennabi's Perspective]**

**Naratif Malaysia Melalui Perspektif
Malik Bennabi**

RATNA ROSHIDA AB RAZAK^{1*}

¹Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Pertahanan Malaysia.

*Corresponding author: ratna_razak@upm.edu.my

Received Date: 7 April 2020 • Accepted Date: 29 Sept 2020

Abstract

This paper aims to present a new narrative about Malaysia through the point of view or theory of a contemporary civilization figure from Algeria, namely Malik Bennabi. Malaysia which is undergoing political changes, especially after the 14th General Election, if it does not succeed in bringing benefits to society as a whole, can have a negative impact on aspects related to almost all domains of life such as economy, social and education. The findings show that although Malaysia needs to face change, if Malaysians are still strong in adhering to the basic values as found in religious teachings, they are still able to be a major player in building Malaysia's progress and civilization. As a country with a diverse society, harmony and prosperity are key assets that need to be nurtured and utilized as best as possible. This is important so that every Malaysian citizen is able to be a major player in development. This paper concludes that there are 3 main elements, namely re-empowering the existing capabilities in oneself, in the space of time available with the natural resources possessed. All these elements need to be digested and translated by every Malaysian citizen so that the dreamed success can come true, despite being pressured by various changes.

Keywords: New narrative, Malik Bennabi, Malaysian Civilization

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mengemukakan naratif baru tentang Malaysia melalui sudut pandang atau teori tokoh peradaban kontemporari dari Algeria iaitu Malik Bennabi. Malaysia yang sedang melalui perubahan politik, khususnya selepas Pilihan Raya Umum ke-14, sekiranya tidak berjaya membawa kebaikan kepada masyarakat secara keseluruhan, boleh memberi kesan yang negatif kepada aspek yang berkaitan dengan hampir keseluruhan domain kehidupan seperti ekonomi, sosial dan pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa meskipun Malaysia perlu berdepan dengan perubahan, sekiranya rakyat Malaysia masih kuat berpegang dengan nilai-nilai asas sebagai mana yang terdapat dalam ajaran agama, mereka masih lagi mampu untuk menjadi pemain utama dalam

pembinaan kemajuan dan peradaban Malaysia. Sebagai sebuah negara yang memiliki masyarakat yang pelbagai, keharmonian dan kesejahteraan merupakan aset utama yang perlu dijaga dan dimanfaatkan dengan sebaik yang mungkin. Hal ini penting agar setiap warganegara Malaysia mampu untuk sama-sama menjadi pemain utama dalam pembangunan. Makalah ini menyimpulkan bahawa terdapat 3 elemen utama, iaitu kembali memperkasakan keupayaan yang ada pada diri sendiri, dalam ruang masa yang ada dengan sumber alam yang dimiliki. Kesemua elemen tersebut perlu dicernakan dan diterjemahkan oleh setiap warganegara Malaysia agar kejayaan yang diimpikan mampu menjadi kenyataan, meskipun diasak dengan pelbagai perubahan.

Kata Kunci: Naratif Baharu, Malik Bennabi, Peradaban, Tamadun Malaysia

Cite as: Ratna Roshida Ab Razak. 2021. Naratif Malaysia melalui Perspektif Malik Bennabi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 277-289.

PENGENALAN

Wajah Malaysia yang mula berubah selepas Pilihan Raya Umum ke-14 diharapkan menjadi satu permulaan kepada sebuah penambahbaikan dalam kesemua aspek yang meliputi bidang ekonomi, sosial dan pendidikan. Keharmonian dan kesejahteraan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama merupakan aset utama negara. Keupayaan setiap warganegara untuk sama-sama menjadi pemain utama dalam pembangunan dan pembinaan Malaysia, atau yang lebih tepat, meneruskan proses pembinaan peradaban dan tamadun Malaysia itu sendiri, merupakan satu keperluan yang mendesak saat ini.

Hal ini penting agar pada akhirnya seluruh rakyat boleh sama-sama menikmati hasil dari usaha yang sama-sama telah diberikan, tanpa ada golongan yang hanya tahu meraikan kejayaan tanpa ingin berpenat lelah. Sikap individu atau masyarakat, juga bangsa yang tidak mahu bersusah payah pastinya akan membawa mereka tertinggal jauh ke belakang dalam proses pembinaan tamadun, atau disebut juga peradaban negara. Hal ini ditegaskan oleh tokoh ilmuwan Islam kelahiran Algeria yang cukup terkenal dan paling menonjol sebagai pemikir kontemporari bagi kurun ke-20, iaitu Malik Bennabi.

Makalah ini berdasarkan kajian yang menggunakan kaedah deskriptif dan data yang menjadi sumber perbincangan diperoleh melalui kajian perpustakaan. Melalui kaedah analisis induktif, deduktif dan deskriptif, makalah ini berusaha untuk meneliti dan menganalisis bagaimana teori Bennabi dapat memberi satu naratif baru dalam memperkatakan tentang usaha pembinaan peradaban atau tamadun Malaysia hari ini.

LATAR BELAKANG BENNNABI

Riwayat Hidup

Dilahirkan di Constantine, sebuah kota di Algeria Timur pada tahun 1906. Bennabi berasal dari keluarga yang sederhana, namun memiliki jiwa yang besar. Semasa melanjutkan pelajarannya di peringkat tinggi di Constantine, beliau sempat berguru dengan Syeikh Abdul Majid dan Profesor Martin. Tokoh inilah yang banyak mempengaruhi pemikiran dan pembentukan sahsiah

diri. Bermula dengan kedatangan Perancis ke Algeria, Malik Bennabi sudah merasai realiti hidup yang menyakitkan. Bermula seawal usia 6 hingga 7 tahun beliau telah mula berhijrah ke Tripoli Barat dalam satu penghijrahan secara beramai-ramai.

Pendidikan Awal

Malik Bennabi, tokoh Islam par excellence mempunyai latar belakang pendidikan yang sangat menarik. Sejak dari kecil lagi beliau telah menunjukkan minat yang sangat mendalam terhadap bidang ilmu yang mana beliau sangat gemar menghadiri majlis-majlis agama dan berdampingan dengan tokoh-tokoh hebat pada zaman tersebut. (Boussalah, 2005) Bagi beliau, inilah peluang keemasan untuknya menambah ilmu di samping memberi kesempatan untuk beliau melalui pendidikan dalam aliran sains, mendalami bidang ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan seperti sejarah, sains sosial dan juga falsafah secara kritikal dan menyeluruh. Ketika di peringkat menengah pula, minat membaca mula tumbuh dalam dirinya dan terus disuburkan minat ini apabila memasuki sekolah Perancis. Sewaktu di sekolah Perancis ini juga Malik Bennabi belajar agama dengan seorang guru yang bernama Shaikh Abdul Majid dan juga beberapa orang guru yang antaranya ialah pengikut Syaikh Muhammad Abduh.

Malik Bennabi mendapat pendidikan awal di sebuah madrasah al-Quran. Beliau berpeluang mendapat biasiswa bagi meneruskan pengajiannya dalam kelas persediaan selama dua tahun di sekolah El-Djelis di Constantine. Di sinilah Malik Bennabi telah didedahkan dengan kesusasteraan Perancis, khususnya hikayat pengembaraan dan hikayat timur. Pada tahun 1930 beliau melanjutkan pengajian di sebuah kolej kejuruteraan di Perancis. Semasa belajar beliau banyak terlibat dalam pelbagai Gerakan Pembaharuan. Di sinilah pendedahan dengan tokoh-tokoh Islam dan perkembangan dalam dan luar bermula. Malik Bennabi juga pernah menjawat jawatan Pegawai Pendaftar Mahkamah di Huran. Dalam tempoh ini beliau berpeluang bertemu dengan masyarakat yang berada di bawah penjajahan Perancis.

TEORI INSAN, TANAH DAN MASA

Malik Bennabi begitu serius dalam memikirkan jalan penyelesaian kepada kemunduran umat Islam. Beliau menegaskan bahawa punca kepada keadaan tersebut adalah kerana masyarakat Islam itu sendiri yang tidak mengetahui kekuatan diri yang dimiliki untuk menjadi masyarakat yang mampu mengembalikan kegemilangan Islam melalui ilmu dan idea yang baharu. Masyarakat Islam hanya dilihat seperti terus ghairah membongkar khazanah Islam, tanpa ada sebarang usaha untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. (Bennabi, 2003)

Justeru, menjadi satu keperluan untuk menyingkap dan menyuburkan kembali idea ketamadunan beliau. Teori perubahan sosial yang dikemukakan oleh Malik Bennabi memberi penekanan kepada tiga elemen asas dalam kehidupan manusia. (Bennabi, 2000). Teori yang menekankan ketiga-tiga kepentingan elemen utama iaitu manusia (insan), tanah (*turab*) dan masa (*waqt*) dikira sangat relevan dalam konteks pembinaan tamadun Malaysia hari ini. Ketiga-tiga elemen ini mempunyai signifikan yang besar dalam pembentukan dan kejatuhan sesebuah tamadun. Hal ini kerana bagi Bennabi, tamadun secara keseluruhannya merupakan satu pencapaian yang bersifat holistik dalam konteks penglibatan antara manusia atau insan, yang merupakan pembina dan pemain utama, berasaskan tanah sebagai ruang atau tempat berlakunya

pencapaian tersebut, dalam tempoh masa atau kehidupan yang ada padanya. (Al-Quraisyiy, 1996).

Berdasarkan teori yang dikemukannya, Malik Bennabi menjelaskan bahawa banyak daripada pertubuhan sosial yang gagal dalam misi mereka lantaran ketidakupayaan mereka untuk memberi penekanan kepada kepentingan aspek moral atau akhlak yang berasaskan kepada nilai, bertitik tolak dari aspek spiritual yang mempunyai kedudukan asasnya dalam agama atau sistem kepercayaan yang dimiliki. Usaha untuk memaknakan peranan manusia, yang merupakan pembina tamadun, juga penghuni di tanah air atau negara Malaysia khususnya, dalam tempoh atau ruang waktu yang diberikan ini, pastinya memerlukan panduan atau falsafah hidup atau worldview (pandangan semesta) yang jelas. Panduan ini seharusnya diperoleh daripada ajaran agama dan tidak lengkap sekiranya hanya melalui keupayaan berfikir semata-mata. Daripada agama inilah manusia melahirkan ideanya bagaimana seharusnya mereka berperanan sebagai pembina tamadun. Dengan kata lain, agama ini berperanan dalam membentuk budaya hidup seseorang. Dalam konteks masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, masing-masing mempunyai budaya hidup yang tersendiri. Kebebasan dalam mempraktikkan budaya hidup mereka dengan jelas menunjukkan Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat meraikan kepelbagaian.

Dalam konteks kepelbagaian masyarakat yang ada di Malaysia ini, jika ditelusuri dalam setiap budaya, akan jelas kelihatan perbezaan. Sebagai contoh yang paling mudah, cara berfikir yang mencetuskan kelainan kepada aset budaya seperti jenis pemakanan, antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Justeru, dalam hal ini, menggunakan semangat atau saranan untuk saling kenal mengenali melalui kepelbagaian puak dan bangsa yang dijadikan oleh Allah, untuk umat Islam khususnya, dalam konteks rakyat Malaysia agar merenung, melihat apakah amalan hidup yang terdapat dalam budaya hidup lain bangsa lain lebih baik dan sesuai untuk diamalkan. Sekiranya itu lebih baik daripada apa yang dimiliki, budaya hidup tersebut boleh diguna pakai agar mampu menjadi pemangkin ke arah pembinaan tamadun. Sehubungan dengan itu, apa jua transformasi budaya yang boleh mendorong masyarakat untuk membina tamadun, sudah pasti memerlukan kepada perubahan dalam cara hidup manusia, yang bermula dengan diri sendiri, yang meliputi aspek spiritual, intelektual dan fizikal, melalui hubungan sosial yang merentasi 3 domain utama iaitu diri sendiri, orang lain dan persekitaran. Menurut Bennabi, transformasi budaya harus memperluas ruang lingkungannya dan tidak membatasi luaran manusia semata-mata atau penzahiran yang kelihatan indah dan menarik sahaja. Ia harus meliputi aspek spiritual manusia agar transformasi yang dilakukan benar-benar memberi makna dan nilai kepada manusia. (Bennabi, 2002)

Malik Bennabi membincangkan persoalan tamadun dalam perspektif Islam secara meluas dengan meletakkan kehidupan yang bermatlamatkan Allah sebagai hala tuju yang sebenar. Hampir setiap buku beliau memperkatakan tentang kedudukan manusia dalam pembinaan tamadun. Ini jelas menunjukkan bahawa beliau terlalu menekankan aspek ini dalam usaha mengembalikan kedudukan Islam sebagai pencorak tamadun bangsa. Jika ditinjau dari pandangan Jamaluddin al-Afghani, beliau lebih menekankan tentang aspek politik, manakala Muhammad Abduh pula banyak memberi tumpuan kepada aspek pendidikan. Walau bagaimanapun Bennabi berpendapat bahawa penyelesaian secara juz' (atomism) tidak berjaya mengatasi masalah yang sebenar. Beliau menekankan penyelesaian secara menyeluruh (holistic) yang melibatkan semua aspek kehidupan manusia bermula dengan penyelesaian

masalah yang melibatkan komponen spiritual (rohani) adalah jalan penyelesaian yang terbaik. (Bennabi, 2002)

Permasalahan umat Islam masa kini dalam aspek keinsanan

Malik Bennabi berpendapat bahawa sesuatu bangsa itu gagal membangun bukan kerana ia tidak memiliki sumber-sumber alam seperti tanah, logam dan sebagainya. Tetapi kerana manusia atau penduduknya tidak mempunyai banyak idea yang kreatif dan inovatif untuk menggunakan sumber alam yang dimilikinya. Fenomena yang sebegini banyak berlaku di kalangan negara Islam hari ini, khususnya negara yang pernah berada di bawah jajahan kuasa besar Eropah, sama ada di Afrika, Timur tengah juga di Alam Melayu. Meskipun terlepas dari kuasa penjajah dan kebangkitan Islam yang ada padanya sudah menghampiri satu kurun lamanya, namun ia masih jauh untuk sampai kepada matlamatnya iaitu pembinaan peradaban yang berasaskan pemeraksanaan elemen kemanusiaan. Kemajuan sesebuah negara amat bergantung kepada mutu penduduknya. Mutu penduduknya pula terbentuk hasil daripada proses pendidikan yang diterima. Sebagai contoh, sekiranya masyarakat Islam yang seharusnya menerima pendidikan beracukan roh Islam, namun telah terpisah dari roh Islam yang sebenarnya, maka di sinilah bermulanya masalah kerana asas atau tapak yang menjadi sandarannya tidak teguh.

Permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam, khususnya di Malaysia bermula apabila kehidupan masyarakat yang mula maju, khususnya selepas Malaysia memperoleh kemerdekaan, yang dirancakkan oleh gabungan dua etnik yang agak berpengaruh dari segi kesungguhan melakukan kerja hingga berjaya mengusai ekonomi negara, iaitu etnik Cina dan India. Bangsa Melayu masih lagi dilihat sebagai bangsa yang cukup sekadar apa yang ada kerana sesetengah daripadanya memiliki pandangan hidup yang meletakkan dunia ini hanya sementara dan tidak perlu untuk terlalu bersusah payah mengerjakannya kerana pada akhirnya dunia ini akan ditinggalkan juga. Sikap sebegini yang menjadi sebatian dalam diri sesetengah individu Melayu. Keadaan inilah yang antara faktor menjadikan perbezaan yang agak ketara antara mereka yang memiliki dengan tidak memiliki.

Pada masa yang sama terdapat dari kalangan orang Islam, khususnya yang berbangsa Melayu, mula terpengaruh dengan unsur luaran, khususnya dari Barat yang meletakkan penggunaan akal sepenuhnya. Dengan kata lain pemikiran yang bersifat logik dan rasional akal lebih diutamakan berbanding dengan apa yang telah disarankan oleh Islam iaitu dengan menggunakan fakulti akal yang bersandarkan Al-Quran dan Hadith. Pada peringkat ini, mula kelihatan, umat Islam tidak lagi menjadikan agama sebagai landasan dan pegangan hidup mereka, namun lebih kepada untuk tujuan ritual seperti solat, puasa zakat dan haji semata-mata. Islam tidak berjaya diterjemahkan sebagai cara hidup yang meliputi pelbagai aspek kehidupan yang melibatkan pelbagai dimensi hubungan, sehingga mampu membawa kejayaan untuk umat Islam dalam setiap aspek kehidupan.

Sebagai kesannya, umat Islam mula jauh daripada nilai-nilai murni yang menjadi prinsip asas dalam melahirkan masyarakat yang berakhlak, memiliki adab, pekerti, nilai dan moral serta norma-norma kehidupan yang mulia. Agama hanya dilihat dari sudut pandang ibadat semata-mata. Kesannya, umat Islam mula malas untuk berfikir kerana keadaan selesa yang dinikmatinya menjadikan mereka sukar untuk keluar dari zon tersebut. Tambahan pula

dengan kemudahan teknologi yang dinikmati, masyarakat akhirnya hanyut dalam dunia mereka tersendiri.

Bagi Malik Bennabi masyarakat Islam hari ini tidak mempunyai pilihan selain dari kembali beramal dan menghayati atau menterjemahkan ajaran Islam yang sebenar dalam kehidupan seharian. Aspek spiritualiti atau kerohanian sebagai asas yang penting dalam kehidupan, lebih-lebih lagi kehidupan beragama, perlu difahami dengan betul dan dipraktikkan dalam setiap aspek kehidupan. Dengan kata lain, roh beragam perlu betul-betul dihidupkan. Perlu diingatkan bahawa Islam bukan sekadar amalan yang bersifat ritual, tetapi ia adalah jalan atau cara hidup dan makna, tujuan dan nilai dan itulah sebenarnya roh dalam beragama. Tamadun Islam yang bermula dengan pimpinan roh dan kerohanian inilah yang menjadi faktor penting dan utama dalam pembinaan tamadun. Asas kerohanian atau spiritual ini akan mengarahkan idea, kerja dan modal bagi menghasilkan satu gerak kerja yang sangat diperlukan dalam usaha mewujudkan persefahaman dan keseimbangan.

Umat Islam, khususnya di Malaysia sering kali dilihat sebagai masyarakat yang masih belum berjaya dalam menyelesaikan isu-isu seperti ekonomi, sosial dan politik. Malik Bennabi menyatakan bahawa masalah yang berlegar dalam kalangan orang Islam bukanlah untuk membuktikan kewujudan Tuhan, tetapi untuk membuatkan mereka rasa akan kehadiran dan kewujudan Tuhan sebagai kuasa yang memberikan satu tenaga di dalam jiwa mereka, yang menjadi bahan bakar untuk mereka melakukan apa jua perkara dengan terbaik dalam ruang masa terhad yang diberikan.

Insan

Malik Bennabi meletakkan insan sebagai perkara yang paling utama dalam pembinaan tamadun. Hal ini kerana insan lah merupakan komponen yang paling asas dalam pembinaan tamadun. Soalan yang sering timbul ialah apakah masyarakat Islam hari ini secara serius memikirkan usaha untuk mewujudkan tamadun mereka sendiri? Keadaan ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya usaha ini diasaskan kepada nilai-nilai spiritual yang didapati dari ajaran agama. Nilai spiritual diperoleh dengan memerah keluar nilai-nilai murni yang ada pada agama, yang meliputi semua aspek kehidupan. Ajaran agama ini merupakan asas yang akan mengarah idea, kerja dan modal yang akan mewujudkan keseimbangan dan kelestarian dalam aspek pembangunan atau tamadun yang dibina.

Dalam bukunya yang bertajuk *The Quranic Phenomenon*, Malik Bennabi cuba meneliti sejarah kehidupan manusia dan tamadun melalui sudut pandang Islam. Bennabi menjelaskan bahawa untuk membangunkan sesebuah tamadun, permasalahan yang mendasari ketiga-tiga aspek utama pembinaannya perlu diberi perhatian yang serius. (Bennabi, 1979) Sebagai contoh dalam aspek manusia, pembangunan individu yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu fizikal, intelektual dan spiritual perlu diberi perhatian yang sepenuhnya.

Mengikut pandangan Bennabi, elemen manusia yang merupakan antara unsur penting dalam pembinaan tamadun ini mempunyai dua identiti yang terpenting iaitu identiti semula jadi, yang terjadi secara fitrah dan tidak boleh ditukar, khususnya dari segi rupa dan bentuknya. Identiti kedua ialah identiti sosial yang terbentuk daripada budaya hidup yang menjadi amalannya, pengaruh persekitaran yang ada padanya, juga unsur sejarah yang diwarisinya. (Bennabi, 1994) Justeru elemen yang kedua ini mempunyai ruang dan peluang yang sangat

tinggi untuk diubah dan diganti dengan yang lebih baik, sekiranya yang terdapat keadaan yang lebih baik. Perubahan ini seiring dengan apa yang dinyatakan Allah dalam firmanNya yang bermaksud.” Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada mereka sendiri” (13:11).

Spiritual

Bennabi menamakan fasa ini sebagai fasa roh, atau juga disebut sebagai fasa nahdah (kebangkitan). Dalam konteks perbincangan ini, fasa ini akan disebut sebagai peringkat spiritual. Pada peringkat ini, elemen yang terkandung di dalamnya spirit atau jiwa atau roh dan juga hati (*qalbu*) mendapat tenaga atau bahan bakarnya apabila ada hubungannya dengan tuhanNya, iaitu Allah SWT. Ini boleh berlaku apabila seseorang mengerjakan solat, membaca Al-Quran atau memerhati kebesaran Allah melalui unsur-unsur alam. Kekuatan spiritual ini juga menjadi penyumbang utama kepada kekuatan akal. Spiritualiti yang dimaksudkan ini ialah pemberian makna, tujuan dan nilai hidup berasaskan kepada agama yang dimiliki dan pastikan berpaksikan kepada Tuhan. Dalam hal ini Islam sebagai agama atau jalan hidup yang berorientasikan Allah, menjadikan segala tindak tanduk orang Muslim itu semuanya bermatlamatkan Allah, khususnya melalui dua tanggungjawab atau peranan utama tujuan manusia dihidupkan iaitu sebagai hamba kepada Allah dan juga pentadbir atau khalifah di atas muka bumi ini.

Bagi Bennabi usaha membentuk peradaban Islam, perlulah kepada kemajuan spiritual yang disertai dengan akal dan berlaku seiring dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri. Apabila spiritual berada dalam keadaan dominan, ia mampu untuk mengerak dan membimbing individu ke arah pembangunan untuk membentuk sebuah kemajuan yang mempunyai nilai yang tinggi dan terpuji, tanpa mengorbankan nilai-nilai sampingan yang lain. Dengan formula yang sebegini akan terbinalah sebuah acuan peribadi insan Muslim yang mampu menggerakkan faktor peradaban utama iaitu guna tenaga manusia, walaupun sumber alam yang terbatas. Jika ditelusuri Tamadun Islam yang bermula pada kurun ke-2 dan mencapai kemuncaknya pada kurun ke-8 hingga ke-14, dengan jelas menunjukkan bahawa pemerksaan spiritual melalui pengajian ilmu tasawuf telah menjadikan umat Islam ketika itu begitu produktif untuk menggunakan unsur-unsur alam yang material sifatnya dengan sebaik-baiknya.

Permasalahan umat Islam masa kini dalam aspek spiritual

Perubahan tidak berlaku dalam sesebuah kaum tersebut, sehinggalah setiap individu dalam kaum tersebut bangkit memulakan perubahan. Inilah yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah Ara'd, ayat: 11 yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.” Surah Ar-Ra'd: 11

Kegagalan untuk individu tersebut bangkit akan menghalang proses kemajuan yang sebenar. Sebagai contoh, apabila pada setiap individu, hati sudah dapat ditawan dengan sifat-sifat yang terpuji, maka individu dan akhirnya masyarakat akan menjadi indah dan wujudlah suasana bahagia, bermula dengan individu, rumah tangga dan akhirnya masyarakat akan

merasai kebahagiaan. Jika kebahagiaan wujud dalam rumah tangga, wujudlah masyarakat dan bangsa yang tertib dan bersopan dan akhirnya lahirlah keamanan dan kedamaian di dunia.

Malangnya bagi umat Islam, meskipun mereka mempunyai ajaran Islam, namun mereka tidak positif terhadap tuntutan Islam sepenuhnya. Mereka tidak positif terhadap saranan al-Quran dan al-Sunnah, khususnya dalam mencari kerelevanan dengan kehidupan hari ini. Kalau dilihat di negara Jepun sebagai contoh, ia menjadi negara maju dengan mengambil ilmu dari luar seperti Eropah dan disesuaikan dengan keadaan negaranya. Sebenarnya cara seperti itulah yang disarankan oleh Islam. Dalam pembinaan sesebuah tamadun, proses interaksi ada sesuatu yang penting. Hal ini boleh dilihat bagaimana tamadun Islam yang terhasil akibat dari interaksi dengan tamadun-tamadun lain. Apa yang penting ialah jati diri, teras atau paksi perlu benar-benar kukuh, iaitu keimanan kepada Allah. Umat Islam perlu mempelajari sains dan teknologi dari Barat (asalnya dulu Barat yang mempelajari dari umat Islam sewaktu zaman kegemilangan Islam) dan pada masa yang sama perlu mengekalkan keperibadian dan pemikiran Islam dalam diri mereka.

Bagi Malik Bennabi, pembinaan sosial yang secara asalnya bermula dengan pembangunan individu itu sendiri, tidak dapat bertahan di atas sokongan teknikal semata-mata kerana hanya dengan spiritual yang tinggi sahaja menjadikan seseorang jelas akan makna, tujuan dan nilai hidupnya sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam. (Fawzia 1992) Memang benar kita perlukan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi, namun perlu diingatkan bahawa semuanya itu adalah alat untuk sebuah kemajuan yang sebenar. Kemajuan yang sebenar ialah kemajuan atau keupayaan individu dalam menggunakan segala apa yang ada di dunia bagi tujuan mendapat keredaan Pencipta, melalui dua tugas utama yang telah diberikan iaitu sebagai hamba kepada Pencipta dan sebagai pengurus alam ini demi memastikan semua dalam keadaan yang teratur. Hal ini boleh diterjemahkan melalui keadaan masyarakat Islam yang menjalankan Islam sebagai cara hidup yang total. Apabila kuat pengisianya dalam aspek spiritual ini, maka akan subur sifat-sifat kemanusiaan dalam erti kata sebenar. (Bennabi, 1991) Pancaran spiritual ini menjadi perlahan lantaran kurangnya tumpuan diberikan kepada proses penyuburannya, maka aktiviti rasional juga akan berkurang. Hal ini kerana bahan bakar akal mempunyai hubungan yang begitu rapat dengan aspek spiritual.

Malik Bennabi juga berpandangan bahawa bukanlah industri, juga teknologi yang canggih dan wang yang mampu mengangkat darjat, martabat bangsa sehingga membolehkan bangsa itu mendirikan tamadun yang agung. Namun yang menentukan sama ada umat itu maju atau mundur ialah idea pendorong. Idea yang membangkitkan tekad dan azam menjadi budaya masyarakat dengan kekuatan jangka panjang dan dalaman. (Bennabi, 1903)

Secara realiti kita masih berada dalam situasi yang sangat membimbangkan iaitu apabila Kajian Morbiditi Kesihatan pada tahun 2015 telah menjelaskan bahawa hampir 30 peratus penduduk Malaysia mengalami pelbagai penyakit mental atau psikiatri seperti kemurungan dan penyakit yang lebih serius daripada itu iaitu schizophrenia dan percubaan untuk membunuh diri. Penyakit mental dijangka menjadi masalah kesihatan kedua terbesar menjejaskan rakyat Malaysia menjelang 2020, selepas penyakit jantung. Situasi masyarakat yang sebegini tidak seharusnya di pandang sebelah mata sahaja, malahan usaha yang agresif seharusnya dilakukan, sama ada usaha tersebut daripada pihak kerajaan, keluarga dan individu itu sendiri.

Sehubungan dengan itu masyarakat Malaysia perlu bangkit memperbaiki komponen spiritual ini agar mereka jelas tentang makna, tujuan dan nilai hidup yang didukung sehingga

menjadikan setiap hubungan yang dimilikinya, bermula dengan hubungan dengan dirinya sendiri, hubungan dengan orang lain dan hubungan dengan alam sekitar mampu menjadikan penghubung kepada usaha untuk peningkatan diri dan pembinaan tamadun.

Komponen Intelektual

Keperluan untuk memaksimumkan penggunaan akal berteraskan tauhid yang kukuh merupakan antara penekanan utama Malik Bennabi. Melalui akal yang sihat, penjanaan idea yang bernas sangat diperlukan. Seiring dengan tuntutan era Revolusi Industri 4.0, umat Islam, khususnya mereka di Malaysia tidak mempunyai pilihan, melainkan untuk terus menggembleng tenaga, memaksimumkan penggunaan akal kerana antara kemahiran yang sangat diperlukan dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0 ialah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Hal ini penting kerana dengan kemahiran inilah yang akan membantu keupayaan penggunaan akal secara optimum demi untuk menghasilkan idea-idea yang bernas.

Dalam bukunya yang ditulis dalam bahasa Perancis, *Vocation De Islam* dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, *Islam in History and Society*, Bennabi dengan tegas mengatakan bahawa idea merupakan pemangkin utama untuk pertumbuhan tamadun. Ketidakupayaan untuk memiliki idea akan menjadikan masyarakat tersebut tidak mampu menghasilkan kemajuan yang memberangsangkan. Kematian atau ketandusan idea boleh menjadikan sesebuah tamadun mengalami zaman muflis atau *civilization*. Meskipun buku ini telah siap ditulis pada 1949, namun hanya diterbitkan pada 1954, iaitu tahun berlakunya Revolusi Algeria.

Dalam karyanya yang bertajuk *The Question of Idea in the Muslim World*, sekali lagi Bennabi mengemukakan hujah-hujah penting mengenai keperluan untuk memiliki idea sebagai usaha melestarikan kehidupan kerana kelestarian kehidupan manusia sebenarnya bergantung kepada keupayaan menjana idea yang bersifat kontemporari. Umat Islam, khususnya yang berada di Malaysia perlu untuk berusaha mengembalikan kegemilangan Islam yang pernah tercipta, terutama sewaktu era dinasti al-Muwahed yang berpusat di Andalusia. Sejarah yang lalu tidak hanya sekadar untuk diimbau dan disebut-sebut, malahan pada masa yang sama, perlu bangkit mengembalikan kegemilangan yang telah hilang. Justeru ibrah dan pelajaran seharusnya dipelajari dan ditekuni. Tidak salah untuk melihat masa lalu, namun yang lebih utama biarlah sejarah yang sama dapat diulangi sekali lagi.

Permasalahan umat Islam masa kini dalam aspek intelektual

Malik Bennabi melihat masalah umat Islam hari ini ialah tentang perlaksanaan ilmu yang ada. Meskipun kaya dengan ucapan dan tulisan, sebagaimana dilihat dalam makalah ilmiah ahli akademik, juga setiap minggu akan diperdengarkan dengan khutbah di masjid juga dalam ucapan para pemimpin, jika dilihat dari segi perlaksanaannya, keadaannya masih lagi di peringkat yang amat menyedihkan. Beliau berpendapat bahawa masalah sebenar bukanlah terletak pada ilmu apa yang dimiliki oleh seseorang, tetapi bagaimana seseorang yang memiliki ilmu itu memberi reaksi atau melakukan penyesuaian dan penyelesaian terhadap permasalahan dengan mengguna pakai ilmu yang dimilikinya. Bennabi juga memberi penekanan kepada

kepentingan idea yang merupakan petunjuk mengoptimalkan keupayaan berfikir. (Fawzia Bariun. 1993.)

Malik Bennabi mengambil negara Jerman sebagai contoh untuk memperlihatkan kepentingan idea atau buah fikiran berbanding dengan material. (Bennabi, 2003) Meskipun negara Jerman mengalami kehancuran semasa perang dunia ke-2 dan ini turut menghancurkan hampir keseluruhan infrastruktur yang ada, atau diistilahkan sebagai '*realm of thing*', Jerman kembali bangkit untuk membina semula negaranya kerana mereka masih mempunyai idea atau '*realm of ideas*' Keadaan ini yang banyak dilihat berlaku dalam pembinaan tamadun bagi negara yang kurang maju, yang mana penekanan yang diberikan ialah tentang aspek kebendaan, dan bukanlah kepada aspek idea, iaitu keupayaan manusia atau bangsa tersebut untuk menghasilkan pemikiran kreatif dan kritis yang dapat menjana idea. (Bennabi, 2003) Jika di lihat dalam konteks negara Malaysia, sumber manusia yang ada masih belum diperkasakan dengan sebaik yang mungkin sehingga mereka mampu menjadi modal insan kepada pembangunan negara. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada suku tahun pertama 2019, negara telah merekodkan seramai 516 600 penganggur. Sehubungan dengan itu, usaha yang agresif amat perlu dilakukan agar sumber manusia ini dapat diguna pakai dan tidak hanya terbuang begitu sahaja.

Untuk pembentukan pemikiran yang dapat menjana idea, manusia memerlukan sistem pendidikan yang mampu membentuk keadaan tersebut, iaitu pendidikan yang berkaitan dengan berfikir. Persoalan yang timbul dalam konteks Malaysia, apakah sistem pendidikan yang ada kini mampu membentuk pemikiran yang kreatif dan kritis? Atau sistem yang membentuk pelajar untuk mendapatkan 'A' sebanyak yang mungkin.

Komponen Fizikal

Meskipun komponen ini tidak dikupas oleh Bennabi, namun semua kita sebagai manusia boleh memahaminya bahawa kesihatan fizikal yang baik dan sihat itulah yang sangat diperlukan kerana komponen spiritual memerlukan fizikal yang sihat agar dapat dimaknakan dengan sebaik yang mungkin. Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, sebagaimana dipetik dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 15 Februari 2020, ada menjelaskan bahawa sehingga ke hari ini, kira-kira 3.6 juta rakyat Malaysia menghidap diabetes, yang merupakan kadar tertinggi di Asia dan antara yang tertinggi di dunia. Sehubungan dengan ini, untuk memastikan unsur terpenting iaitu manusia sebagai penyumbang utama dalam pembinaan tamadun, kita sebagai rakyat Malaysia tidak mempunyai pilihan lain, melainkan menjadikan amalan hidup sihat sebagai budaya hidup.

Tanah (*Turab*)

Mengikut Bennabi, *turab* atau tanah yang dimaksudkan ialah bumi yang didiami ini. Tanah ini merupakan ruang atau tapak yang darinya diperoleh sumber alam untuk manusia menerokai, membangun dan menggunakannya untuk tujuan meraih kehidupan yang lebih bermakna. (Fawzi Bariun, 1993) Hal ini seiring dengan peranan asas manusia sebagai khalifah atau pentadbirnya. Dalam konteks yang lebih luas, *turab* ini juga membawa maksud segala jenis bahan mentah atau sumber alam yang ada di dalam perut bumi ini.

Nilai atau makna tanah bergantung kepada keupayaan pemiliknya untuk memberi makna dan nilai berdasarkan jenis dan kesesuaian untuk tanaman. Tanah sangat tinggi nilainya kalau dimiliki oleh mereka yang tahu memberi makna dan nilai kepada tanah tersebut. Malangnya bagi mereka yang tidak mengetahui bagaimana untuk memaknakan tanah tersebut akan terus membiarkannya dan tidak tahu untuk memanfaatkannya. Bennabi memberi contoh apa yang berlaku di Algeria, iaitu banyak tanah yang dahulunya subur tetapi kini menjadi tandus dan ditinggalkan. Keadaan yang sama juga berlaku di Malaysia, khususnya bagi mereka yang berada di luar bandar atau di kampung-kampung. Persekitaran mereka pastinya dilingkungi oleh tanah-tanah yang terbiar yang menanti untuk diusahakan. Meskipun ada yang akan berpendapat bahawa, kemungkinan tanah tersebut tidak sesuai untuk bercucuk tanam, namun sikap manusia terhadap tanah dan usaha untuk menyuburkannya adalah lebih penting.

Permasalahan umat Islam hari ini berkaitan dengan tanah (*Turab*)

Jika ditelusuri dalam garis masa, corak kehidupan masyarakat Melayu pada asalnya bersifat *homegenous*, telah mula berubah setelah Tanah Melayu diduduki oleh penjajah yang terdiri dari 3 kuasa besar Eropah untuk tempoh yang agak panjang iaitu hampir 426 tahun. Kini usia Malaysia baru mencecah 64 tahun, usia yang membebaskannya dari belenggu penjajah. Malik Bennabi berpandangan bahawa penjajahan merupakan faktor utama yang menyebabkan umat Islam menjadi muflis dan lemah semangat. Walau bagaimanapun Malik Bennabi menekankan punca utama yang mendorong kepada berlakunya penjajahan tersebut adalah pada diri individu tersebut. Pandangan ini seiring dengan idea Za'ba dalam membicarakan masalah bangsa Melayu terutama di era sebelum dan di awal kemerdekaan.

Dalam konteks bangsa Melayu, banyak perkara yang boleh dipelajari dari sejarah kejatuhan Empayar Melayu Melaka pada kurun ke-15 dahulu. Namun ada lagi yang lebih utama untuk diberi perhatian iaitu bagaimanakah cara untuk bangsa Melayu kembali bangkit setelah memperoleh kemerdekaan demi menebus kembali kemajuan tertangguh selama 406 tahun dijajah? Apakah yang telah dilakukan oleh bangsa Melayu setelah 64 tahun kemerdekaan? Bangsa Melayu seharusnya mempelajari untuk mengatasi dan membebaskan diri daripada kesan penjajahan. Bukan itu sahaja, malahan menjadi keperluan untuk bangsa Melayu mengelakkan punca yang boleh menyebabkan mereka kembali dijajah. Umat Islam perlu menempatkan dirinya di bumi tanah airnya dan jangan memberi peluang kepada kuasa lain untuk mereka jadikan tempat untuk melepas kemahuan menggunakan dunia untuk tujuan keseronokannya semata-mata dan bukan sebagai jambatan untuk menuju ke alam yang abadi.

WAKTU

Malik Bennabi menegaskan bahawa waktu yang dimaksudkan di sini ialah ruang waktu yang telah dianugerahkan untuk setiap individu. Ia merupakan tempoh atau ruang masa untuk satu-satu tamadun dibina. Dengan kata lain, selagi ada hayat, selagi itulah manusia perlu melakukan kerja kerana apabila telah meninggal seseorang tiada lagi ruang masa untuknya, melainkan segalanya telah selesai dan menanti saat untuk diperhitungkan segalanya.

KESIMPULAN

Dalam usaha membina naratif Malaysia yang baharu, hasil penelitian berdasarkan sudut pandang Malik Bennabi wajar dijadikan panduan. Dapatan menunjukkan bahawa melalui lensa peradaban Malik Bennabi, rakyat Malaysia perlu terus memperkasakan 3 aspek utama yang memang sedia dimilikinya iaitu, sumber manusia, yang terdiri daripada rakyat Malaysia itu sendiri, tanah air yang sedang kita diami dan akhirnya ruang masa yang masih ada ini. Penggunaan tiga unsur utama, yang merupakan asas kepada teori Malik Bennabi, iaitu manusia (insan), tanah dan masa, mampu untuk membuahakan sebuah pembinaan tamadun yang diinginkan. Pemerksaan manusia iaitu dengan mengembalikan fungsi yang sebenar dapat memastikan tamadun yang ingin dibina boleh menjadi realiti. Setiap individu Muslim perlu bangkit untuk menghasilkan gerakan ke arah pembinaan tamadun dengan memberi tumpuan dan penyuburan awal kepada pembangunan manusia, khususnya dalam komponen spiritual, yang diikuti dengan intelektual dan fizikal. Dengan akal yang diberikan, sesuatu perlu dilakukan atau diusahakan bagi meneruskan kelangsungan hidup di dunia ini dengan mengambil nilai-nilai spiritual sebagai dasar perjuangan. masyarakat Malaysia, khususnya di era perubahan landskap politik pasca Pilihan raya Ke-14. Rakyat Malaysia, terutamanya bangsa Melayu sebagai umat Islam tiada pilihan melainkan perlu kembali kepada memberi nilai dan menterjemahkan ajaran Islam dengan sebenar-benarnya yang dalam masa yang sama menjalankan proses membina Tamadun Malaysia dan mengembalikan kegemilangan Tamadun Melayu di bumi Malaysia, yang dahulunya disebut Tanah Melayu.

RUJUKAN

- Al-Quraisyiy, Ali. 1996. *Malik Bennabi dan Pergolakan Sosial*, Terjemahan Mohd Sofwan Abdullah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Fawzia Bariun. 1988. *Malik Bennabi Sosiologi Muslim Masa Kini*. Bandung: Pustaka Bandung.
- Fawzia Bariun. 1992. "Malik Bennabi and the Intellectual problems of Muslim ummah". *American Journal of Islamic Social Sciences*, 9 (3): 325-337.
- Fawzia Bariun. 1993. *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Hornby, AS. 1995.
- Ibn Khaldun. 1967. *The Muqaddimah*, translated from the Arabic by Franz Rozenhal. Princeton University Press.
- Malik Bennabi. 1983. *Muzakkirat Syahid lil-Qarni*. Darul Fikr: Damsyiq.
- Malik Bennabi. 1991. *Islam dalam Sejarah dan Masyarakat (Terjemahan)*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Malik Bennabi. 2002. *On The Origins of Human Society: The Social Relations Network (Translated and Annotated by Mohamed El-Tahir El-Mesawi)*. Islamic Book Trust: Kuala Lumpur.
- Malik Bennabi. 2003. *The Question of Ideas in the Muslim World (Translated and Annotated by Mohamed El-Tahir El-Mesawi)*. Islamic Book Trust: Kuala Lumpur.
- Zahra Boussalah. 2005. "Malik Bennabi: An analytical study of his theory of civilization". In *the Muslims and Islam in the Chaotic Modern World Conference: Relations of Muslim*

among Themselves and with Others. Organized by Temple University: Philadelphia, 30 September- 2 October 2005.